



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KAWALAN NEGARA TERHADAP KEBEBASAN
MEDIA DI MALAYSIA***

YAHYA ABDUL RAHMAN

FEM 2018 9



**KAWALAN NEGARA TERHADAP KEBEBASAN
MEDIA DI MALAYSIA**

Oleh

YAHYA ABDUL RAHMAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sains**

Disember 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

KAWALAN NEGARA TERHADAP KEBEBASAN MEDIA DI MALAYSIA

Oleh

YAHYA ABDUL RAHMAN

Disember 2017

Pengerusi: Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini meneliti kebebasan media di Malaysia dan melihatnya dari perspektif politik dan undang-undang. Undang-undang tersebut ialah Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Tujuannya ialah untuk meneliti faktor *state* mengawal kebebasan media di Malaysia dan akta-akta yang digunakan oleh *state* dalam mengawal kebebasan tersebut, menilai bentuk-bentuk sekatan dan tindakan yang dilakukan oleh *state* bagi mengawal media di Malaysia, dan menilai impak kawalan *state* terhadap kebebasan media di Malaysia. Kerangka konseptual *state* dan kebebasan media digunakan sebagai alat analisis untuk memandu kajian ini. Metodologi kajian adalah analisis kualitatif bagi menginterpretasi data primer dan sekunder. Data primer diperoleh dari temu bual dengan informan autoritatif yang pakar tentang media dan politik Malaysia, manakala data sekunder pula diperoleh dari buku, tesis, artikel dalam jurnal dan akhbar-akhbar. Hasil analisis menunjukkan *state* (negara) mengawal media di Malaysia dengan menggunakan undang-undang sebagai alat kawalan. Tindakan undang-undang yang digunakan oleh *state* untuk mengawal media ialah dengan mengenakan hukuman dan denda, menahan orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), menguatkuasakan lesen penerbitan dan percetakan, memberi kuasa mutlak kepada menteri meluluskan atau membatalkan lesen, menguasai pemilikan media, dan menapis maklumat di alam siber. Tesis ini berhujah tindakan negara menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan kebebasan media telah menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara dan menyampaikan pandangan mereka secara bebas dan adil. Keadaan ini menjadikan Malaysia adalah sebagai negara yang cacat demokrasinya. Di akhir analisis, kajian ini mendapati walaupun tindakan negara tersebut dilihat sebagai tidak demokratik, namun tindakan kawalan tersebut

adalah selaras dengan peruntukan yang terdapat Perkara 10(2) dan Perkara 10(4) Perlembagaan Persekutuan yang memberi autoriti kepada *state* untuk menguatkuasakan undang-undang yang perlu bagi menjaga keselamatan dan keamanan negara.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**STATE CENSORSHIP ON MEDIA
FREEDOM IN MALAYSIA**

By

YAHYA ABDUL RAHMAN

December 2017

Chairman: Ahmad Tarmizi Talib, PhD
Faculty: Human Ecology

This study examines media freedom in Malaysia by seeing it from the perspective of politics and law. The relevant laws were the Sedition Act 1948, the Official Secrets Act 1972, the Printing Presses and Publications Act 1984 and the Communications and Multimedia Act 1998. The purpose of the study is to examine the state's factors in restricting the freedom of media in Malaysia and the acts used by the state to regulate the media independence, to evaluate the forms of restrictions and actions taken by the state to control the media in Malaysia, and to assess the impact of state control on media freedom in Malaysia. Conceptual framework of state and media freedom are used as analytical tools to guide this study. The qualitative method of analysis was used to interpret the primary and secondary data. Primary data were obtained from interviews with authoritative informants on media and politics of Malaysia, while secondary data were obtained from books, theses, articles in journals and newspapers. The analysis shows that the state used laws to control the media in Malaysia. Laws used by the state to control the media are by imposing fine and imprisonment, detaining people who commits seditious act and spreading news against the state's interests under ISA, enforcing publishing and printing license, giving absolute authority to the minister to approve or revoke the license, media ownership, and lastly strict information filtering in the cyberspace. This thesis argues that state actions to enforce laws related to freedom of the media was to restrict freedom of expression and the ability of people to share their views freely. This situation makes Malaysia a quasi-democratic state. In the final analysis,

this study found that although the action is seen as undemocratic, however, the control measures taken by the state were in line with the relevant provisions of Article 10 (2) and Article 10 (4) of the Constitution which gives the state powers to enforce necessary laws for the safety and security of the country.



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur alhamdulillah, saya panjatkan kepada Allah SWT berserta restu, rahmat, kurnia dan limpah rezeki-Nya, saya dapat menyiapkan kajian ini. Berkat doa dan kerjasama dari semua pihak akhirnya tesis ini berjaya disiapkan jua.

Pertama sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tercinta, khususnya isteri, ayah bonda dan anak-anak yang bukan sahaja sentiasa mendoakan kejayaan saya, malah menyokong tanpa rasa jemu dan dengan penuh kesabaran agar saya berjaya menamatkan pengajian ini. Syukur alhamdulillah saya dikurniakan sokongan sebegini yang mendorong saya untuk meneruskan perjuangan ini hingga ke noktah terakhir. Mudah-mudahan kejayaan ini mengeratkan lagi kasih sayang dan keharmonian tanpa ada kesudahan hingga ke akhir hayat. Namun begitu, mohon ampun dan maaf jika sepanjang menyiapkan tesis ini, ada tanggungjawab yang tidak dapat disempurnakan terhadap keluarga.

Setinggi-tinggi terima kasih juga saya rakamkan kepada semua pegawai dan kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM), bermula daripada Dekan Fakulti Ekologi Manusia, dan Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan kerana memberi kesempatan kepada saya untuk meneruskan pengajian di universiti ini. Tanpa adanya kemudahan dan bantuan yang diberikan oleh pihak universiti, mungkin sukar untuk saya menggali ilmu dan menyempurnakan pengajian saya dengan lancar seperti yang dirancang.

Dengan hati yang tulus dan ikhlas, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib dan Prof. Dr. Jayum Jawan di atas tunjuk ajar, bimbingan, teguran dan nasihat sehingga akhirnya saya dapat juga menyelesaikan penyelidikan ini. Kesabaran dan keikhlasan yang diberikan sepanjang penyeliaan, akhirnya bukan sahaja saya berjaya menyiapkan tesis ini, malah sedikit sebanyak membentuk saya menjadi pelajar yang lebih kritis dalam menanggapi pelbagai persoalan. Mohon maaf juga dipinta jika sepanjang penyeliaan Prof., ada ruang-ruang akademik yang gagal saya penuhi. Saya telah berusaha gigih, namun sebagai pelajar separuh masa yang terpaksa bergelut dengan banyak tugas pejabat, itulah sahaja kemampuan yang dapat saya usahakan. Semoga

Allah SWT memberi ganjaran kebaikan kepada Prof. berdua dan dikurniakan kesihatan yang berpanjangan.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada semua pihak dan rakan-rakan yang turut mengorbankan masa dan tenaga membantu saya menyempurnakan tesis ini.

Akhir sekali, saya berharap tesis ini walaupun mempunyai kekurangannya, penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada saya untuk menjalani kehidupan sebagai pegawai kanan polis seterusnya. Sesungguhnya saya banyak belajar dari pengalaman menyiapkan tesis ini. Segala kekurangan adalah dari saya dan kesempurnaan itu milik Allah SWT jua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyaliaan adalah seperti berikut:

Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Jayum Jawan, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Yahya Abdul Rahman, GS34264

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam KaedahKaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi Jawatankuasa
Penyeliaan

Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib

Tandatangan:

Nama Ahli Jawatankuasa
Penyeliaan

Prof. Dr. Jayum Jawan

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI SINGKATAN	xiii
 BAB	
 1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Skop Kajian	8
1.5 Kerangka Konseptual: Negara dan Kebebasan Media	8
1.5.1 Negara dan Demokrasi	9
1.5.2 Kebebasan Bersuara dan Kebebasan Media	12
1.6 Sorotan Kajian Lepas	14
1.6.1 Kawalan Negara dan Kebebasan Media di Negara Maju	14
1.6.2 Kawalan Negara dan Kebebasan Media di Negara Membangun	17
1.7 Kepentingan Kajian	21
1.8 Metodologi Kajian	22
1.8.1 Reka Bentuk Kajian dan Unit Analisis	22
1.8.2 Prosedur Pengumpulan Data	24
1.8.3 Analisis Data	26
1.9 Pembahagian Bab	28
 2	
FAKTOR NEGARA MENGAWAL KEBEBASAN MEDIA DAN AKTA BERKAITANNYA	29
2.1 Pengenalan	29
2.2 Faktor Negara Mengawal Kebebasan Media di Malaysia	30
2.3 Akta-Akta Yang Mengawal Kebebasan Media di Malaysia	34
2.3.1 Akta Hasutan 1948	35
2.3.2 Akta Rahsia Rasmi 1972	39
2.3.3 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984	41
2.3.4 Akta Komunikasi dan Multimedia	46
2.4 Rumusan	48

3	TINDAKAN NEGARA DALAM MENGAWAL KEBEBASAN MEDIA DI MALAYSIA	49
3.1	Pengenalan	49
3.2	Tindakan <i>State</i> dalam Mengawal Kebebasan Media	50
3.2.1	Mengenakan Hukuman Denda dan Penjara	50
3.2.2	Menahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)	53
3.2.3	Menguatkuasakan Lesen Penerbitan dan Percetakan	55
3.2.4	Memberikan Kuasa Mutlak pada Menteri Mengawal Media	58
3.2.5	Sekatan Terhadap Pemilikan Media	61
3.2.6	Mengenakan Penapisan Maklumat Internet	63
3.3	Rumusan	65
4	IMPAK KAWALAN NEGARA TERHADAP KEBEBASAN MEDIA DI MALAYSIA	66
4.1	Pengenalan	66
4.2	Kesan Terhadap Kebebasan Malaysia	66
4.3	Meningkatnya Penggunaan Media Sosial	69
4.4	Impaknya Terhadap Ketelusan Media	74
4.5	Impaknya Terhadap Pendemokrasian Politik Malaysia	75
4.6	Kesimpulan	78
5	KESIMPULAN	80
5.1	Pengenalan	80
5.2	Penemuan Kajian	81
5.3	Kesimpulan dan Implikasi Kajian	85
	RUJUKAN	86
	LAMPIRAN	110
	BIODATA PELAJAR	111

SENARAI SINGKATAN

1MDB	1Malaysia Development Berhad
Aliran	Aliran Kesedaran Negara
AMPC	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan
BA	Barisan Alternatif
BH	Berita Harian
BMF	Bumiputera Malaysian Finance
BN	Barisan Nasional
DAP	Democratic Action Party
DPR	Dewan Permesyuaratan Rakyat
DUN	Dewan Undangan Negeri
FAC	Free Anwar Campaign
GERAKAN	Gerakan Rakyat Malaysia
GST	Good and Sales Tax
Hindraf	Hindu Rights Action Force
ICT	Information and Communications technology
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MB	Menteri Besar
MCA	Malaysian Chinese Association
MIMOS	Malaysia Institute of Microelectronic Systems
MITI	Ministry of International Trade and Industry
MIC	The <i>Malaysian Indian Congress</i>
MSC	Koridor Raya Multimedia
NGO	Non-Governmental Organisation
NST	New Straits Times
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Utusan Malaysia
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
OSA	Official Secrets Act
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PR	Pakatan Rakyat
PRU	Pilihan Raya Umum
PM	Perdana Menteri
TPM	Timbalan Perdana Menteri
RBA	Red Bean Army
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mempunyai masyarakat yang pelbagai etnik dan kaum, iaitu Melayu, Cina dan India. Selain itu, terdapat juga suku kaum lain seperti Iban, Bidayuh, Kadazan, Dusun, Bugis dan sebagainya. Bagi orang Cina, mereka telah pun datang ke Tanah Melayu sejak abad ke-15 lagi melalui urusan perdagangan, terutamanya di Melaka. Menjelang awal abad ke-19, penghijrahan mereka semakin bertambah apabila Inggeris membawa masuk mereka untuk bekerja di lombong bijih timah. Orang India pula mulai datang ke Tanah Melayu sejak abad yang pertama. Mereka menamakan Tanah Melayu sebagai 'Suvarnabumi' atau Tanah Emas. Namun begitu, mereka hanya berhijrah secara beramai-ramai ke Tanah Melayu pada penghujung abad ke-19 akibat perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu (Means 1970:28). Kedatangan orang Cina dan India ini kemudiannya menimbulkan masalah kerana penjajah Inggeris tidak mengasimilasikan kaum ini dengan kehidupan penduduk pribumi Melayu. Misalnya mereka mengasingkan tempat tinggal kaum pendatang ini mengikut kegiatan ekonomi masing-masing. Kaum Cina tinggal di kawasan bandar, kaum India di kawasan perladangan, dan orang Melayu pula di kampung dan desa (Shamsul Amri 2014:19).

Dari segi agama, majoriti rakyatnya adalah beragama Islam. Kementerian Sumber Manusia (2015:6) melaporkan jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2015 adalah 30.5 juta orang. Penganut agama Islam adalah 19.375 juta (63.3%), Kristian 2.617 juta (9.2%), Budha 5.620 juta (19.8%), Hindu 1.77 juta (6.3%), Cina Tradisi 0.356 juta (1.2%) dan tiada agama 0.2 juta (0.7%). Bagi penganut agama Kristian, kebanyakannya yang menganuti agama ini adalah orang-orang Cina, India dan Bumiputera bukan Islam yang lain. Agama Budha pula dianuti oleh majoriti kaum Cina, dan agama Hindu pula oleh majoriti kaum India. Masyarakat majmuk ini memberi kesan kepada hubungan kaum dan pembangunan politik Malaysia. Ini kerana parti politik yang wujud di Malaysia cenderung menyokong parti tertentu sahaja. Misalnya, orang Melayu cenderung menyokong parti UMNO dan PAS, manakala bukan Melayu pula cenderung menyokong parti yang mewakili kaum masing-masing.

Dari segi sejarah, Tanah Melayu (kemudiannya Malaysia) dijajah oleh British dan wujud atas runtuhannya kerajaan Melayu Melaka. Penjajahan British telah menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara majmuk. Ini kerana British membawa masuk etnik China dan India ke Tanah Melayu untuk menjadi peniaga dan pekerja ladang sehingga rakyat pribumi mulai menentang penjajah British. Akibat penentangan ini, selepas Perang Dunia Kedua, British telah memberikan kemerdekaan kepada Tanah

Melayu pada 31 Ogos 1957. Untuk mengukuhkan kemerdekaan tersebut, Suruhanjaya Reid telah menyusun perlembagaan Malaysia yang menyatakan negara Malaysia adalah negara federal dan raja berperlembagaan dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara dan Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan. Pada tahun 1959, pilihan raya umum pertama Tanah Melayu diadakan. Pilihan raya ini kemudiannya diadakan setiap lima tahun sekali, menjadikan Tanah Melayu berkembang sebagai sebuah negara demokrasi berparlimen sebagaimana yang menjadi hasrat asal penggubal kemerdekaan Tanah Melayu.

Di Malaysia, kemajmukan itu telah membawa kesan terhadap perpaduan dan kesatuan kerana setiap kaum dibenarkan untuk mengamalkan budaya, agama, bahasa dan kepercayaan masing-masing. Keadaan inilah yang kemudiannya menjerumuskan Malaysia ke arah menghadapi masalah perpaduan kaum sehingga berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Justeru, bagi mengawal rusuhan kaum ini daripada berlaku lagi, maka kerajaan mengadakan kawalan ke atas media di Malaysia. Ini kerana peranan media amat penting dalam menentukan hala tuju sesebuah negara disebabkan mediumnya yang menghubungkan kerajaan dengan rakyat. Misalnya, media menyiarkan dasar-dasar kerajaan seperti menjelaskan Program Transformasi Negara agar rakyat dapat memahami serta bersikap terbuka terhadap dasar-dasar pembangunan negara. Di pihak rakyat pula, media massa membolehkan rakyat memberi reaksi dan mengemukakan pandangan terhadap dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan. Dengan ini, pertukaran maklumat wujud di antara kerajaan dan rakyat dalam sesebuah negara. Untuk membolehkan pertukaran maklumat ini berlaku secara telus dan benar, kebebasan media diperlukan. Tanpa kebebasan media, matlamat komunikasi tidak dapat mencapai objektif yang dikehendaki.

Dahl dalam bukunya *On Democracy* (1999:23) menyatakan negara demokrasi memerlukan media yang bebas untuk menyampaikan informasi kepada rakyat dan mengawal tingkah laku pemerintah. Bebas yang dimaksudkan adalah masyarakat tidak disekat oleh negara untuk menggunakan media cetak atau elektronik bagi menyampaikan maklumat dan menyuarakan pandangan mereka. Di negara-negara Barat, media mempunyai kebebasan untuk memainkan peranannya sebagai penghubung antara kerajaan dan rakyat. Misalnya, Finland adalah negara maju yang bebas medianya. Kuutti & Lindgren (2011:43) menyatakan terdapat empat contoh yang menunjukkan bebasnya media di Finland, iaitu: (i) kerajaan Finland menyampaikan dan memberi informasi kepada rakyatnya secara benar dan telus, (ii) kerajaan Finland memastikan rakyat disajikan dengan maklumat yang tepat, dan (iii) segala maklumat yang dicetak di akhbar tidak menyebelahi pihak kerajaan, dan (iv) pihak pembangkang dibenarkan bersuara melalui media. Hasilnya World Press Freedom Index 2016 melaporkan Finland menduduki tangga pertama sebagai negara yang mempunyai kebebasan akhbar dan akses internet termudah di dunia (World Press Freedom Index 2016:1).

Selain Finland, Netherlands juga mengamalkan kebebasan media. Klimkiewicz (2010:47) menyatakan terdapat enam amalan yang menyebabkan negara ini sentiasa berada pada tahap kebebasan media yang baik. Pertama, semua parti politik yang berdaftar dan bertanding di negara ini berhak menggunakan mana-mana siaran

televisyen dan radio untuk menyampaikan kempen mereka. Kedua, liputan berita yang disiarkan merangkumi semua aktiviti parti politik secara adil tanpa pengubahsuaian. Ketiga, setiap parti politik dibenarkan mempunyai stesen radio sendiri. Keempat, berita yang disiarkan dikawal selia supaya menjauhi unsur-unsur fitnah, mencera peribadi, memperlekeh mana-mana agama dan meniup api perkauman. Kelima, slot diskusi, forum, perbincangan dan pembentangan diperbanyakkan secara ilmiah. Keenam, negara membenarkan semua parti politik menerbit akhbar harian sendiri tanpa perlu memohon permit dan hak menjualnya kepada rakyat umum tanpa dihadkan kepada ahli sahaja. Hasilnya World Press Freedom Index 2016 melaporkan Netherlands menduduki tangga kedua antara kesemua negara yang bebas medianya selepas Finland (World Press Freedom Index 2016).

Kebebasan media di dua negara di atas tidak sama keadaannya dengan Singapura. Ini kerana negara menyekat kebebasan media di negara tersebut. George (2012:34) menyatakan tindakan Singapura menutup ruang kebebasan media kerana bimbang dengan ancaman rakyat yang berpotensi menggugat legitimasi pemerintah. Misalnya, kerajaan Singapura menyekat portal berita liberal yang propembangkang seperti *The Online Citizen* dan *TR Emeritus*. Selain itu, negara melaksanakan peraturan baharu di bawah Akta Penyiaran 2013 dengan mewajibkan portal berita dan blog memiliki lesen. Mengikut peraturan baharu tersebut, mana-mana laman web yang melaporkan berita dari Singapura dan menarik sekurang-kurangnya 50,000 pengunjung sebulan diwajibkan untuk mengambil dan mempunyai lesen. Pemilik blog dan portal berita juga perlu memadamkan sebarang artikel yang dianggap menentang kerajaan atas arahan pihak berkuasa dalam tempoh 24 jam (Hamidah Aris 2013). Akhirnya sekatan ini menyebabkan rakyat Singapura bangkit membantah. Pada 9 Jun 2013, kira-kira 2,000 rakyat Singapura mengadakan bantahan bangkit berkumpul di kawasan bebas bersuara (*Speakers' Corner*) di Taman Hong Lim bagi membantah dasar baharu kerajaan tersebut. Bantahan ini dianjurkan pakatan penulis blog yang menggelar diri mereka sebagai 'Free My Internet' (Ku Seman 2011). Hasilnya World Press Freedom Index 2016 melaporkan Singapura menduduki tangga 154 daripada 180 negara dan dikategorikan sebagai negara yang tidak bebas medianya (World Press Freedom Index 2016).

Selain Singapura, negara China juga menyekat kebebasan medianya, khususnya media yang berlawanan dengan kehendak parti pemerintah. Ini kerana negara menganggap isu-isu sensitif mudah disebarkan sekiranya ruang media dibiarkan bebas tanpa kawalan. Misalnya, negara telah menyekat satu artikel tahun baharu syarikat akhbar *Southern Weekly* yang menyeru agar kebebasan media diberikan kepada rakyat China. Keadaan ini menyebabkan beratus-ratus penunjuk perasaan berkumpul di luar syarikat akhbar *Southern Weekly* di Guangzhou pada 7 Januari 2013 bagi menuntut kebebasan media (Zhao 2015:64). Selain itu, banyak blog yang dikendalikan oleh pengkritik kerajaan disekat. Antaranya blog *Zhao Jing*, sebuah blog yang menjadi terkenal apabila menerbitkan sebuah artikel menuntut kebebasan media di China. Disebabkan penerbitan artikel ini, pada akhir tahun 2005, *Zhao Jing* ditutup kerajaan Cina. Tidak cukup dengan itu, kerajaan China juga menyekat perkhidmatan mesej teks *Twitter*, laman perkongsian foto *Flickr*, laman perkongsian

video, *YouTube*, Instagram, Google, Facebook dan Snapchat (Benjamin 2005:72). Kerajaan China mengambil tindakan ini kerana takut kepada ancaman luar, untuk menutup mulut penentang kerajaan di media dan untuk memastikan rakyat tidak terpengaruh dengan hujah pembangkang.

Seperti Singapura dan China, media di Malaysia juga tidak bebas kerana dikawal oleh negara. Ini dapat dilihat dari peruntukan Perlembagaan Malaysia Perkara 10(2) yang memberi kuasa kepada parlimen untuk membuat sekatan tertentu kepada kebebasan bersuara, berkumpul dan berpersatuan bagi tujuan menjaga keamanan dan keselamatan negara seperti menjaga hubungan baik antara kaum-kaum di negara ini. Sehubungan itu, bab ini mempertimbangkan inti utama tesis ini. Antaranya, bab ini membincangkan permasalahan dan tujuan kajian, skop kajian, kerangka konseptual, sorotan literatur dan metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini. Akhirnya, bab ini menggariskan susunan pembahagian bab tesis ini.

1.2 Permasalahan Kajian

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi dalam pemerintahannya. Sebagai sebuah negara demokrasi, Malaysia sering menjadi perhatian para sarjana seperti Mohd Azizuddin (2010), Gomez (2004), Hilley (2011) dan Weiss (2012) yang mengkaji amalan demokrasi, termasuklah mengkaji isu kebebasan bersuara (khususnya kebebasan media). Di dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara 10(1)(a) memperuntukkan semua warga negaranya berhak memberi pandangan dan bebas bersuara bagi menyatakan pandangan mereka. Namun kebebasan ini tidaklah 'mutlak', sebaliknya 'bersyarat'. Syarat tersebut ialah kebebasan tersebut dihadkan daripada membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan, kedaulatan raja-raja Melayu dan lain-lain perkara yang tertakluk di bawah Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Hujah kerajaan dalam mengadakan sekatan ini adalah untuk mengawal perpaduan rakyat disebabkan oleh komposisi masyarakatnya yang berbilang kaum.

Bagi negara Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum, kebebasan bersuara (khususnya kebebasan media) dikawal oleh negara dengan alasan untuk memelihara perpaduan kaum. Ini kerana negara bimbang idea-idea yang terbit berikutan ruang kebebasan yang diberikan mampu menggugat keharmonian negara dan mencetuskan pergolakan kaum, terutamanya apabila menyentuh isu-isu sensitif seperti agama dan budaya sesuatu kaum. Namun, akhirnya kawalan negara ini menyebabkan hak politik dan hak asasi rakyat untuk bersuara disekat dan ditindas. Lee Kuok Tiung & Mohd Safar (2016:9) menyatakan walaupun sekatan ini menyekat kebebasan rakyat, namun ia amat perlu atas dua sebab. Pertama, bagi menjamin kestabilan dan kesejahteraan negara, dan kedua, bagi menghalang penyiaran laporan-laporan yang boleh memberi imej buruk terhadap kerajaan. Bagi menjustifikasikan tindakan negara mengawal kebebasan

media, Zainuddin Maidin (2010:17), bekas Menteri Penerangan menyatakan: “Tidak semua perkara boleh dilaporkan. Media massa masih perlukan kawalan supaya laporan-laporan yang berkaitan keburukan atau kelemahan kerajaan tidak disiarkan sehingga memberi kesan kepada imej negara.”

Sejak dari tahun 1950-an, sekatan ke atas kebebasan media telah dilaksanakan oleh penjajah British di Malaysia. Banyak surat khabar yang diterbitkan di Malaysia dan Singapura telah diharamkan penerbitannya. Rencana-rencana yang ditulis oleh Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam, Abdul Rahim Kajai dan sebagainya yang dianggap anti penjajah telah diambil tindakan. Kesemua pemimpin-pemimpin ini juga dicop sebagai pemimpin kiri atau pro sosialis (Norena Abdul Karim 2016:813). Pada tahun awal tahun 1970, buku *The Malay Dilemma* yang ditulis oleh Dr. Mahathir juga telah diharamkan atas dasar menggugat legitimasi pemerintah ketika itu. Ini kerana dalam bukunya Dr. Mahathir mendedahkan kekalahan UMNO yang besar dalam pilihan raya 1969 adalah disebabkan kelemahan Tunku Abdul Rahman dengan menuduh Tunku terlalu berlembut dan memberi muka kepada kaum Cina. Surat khabar mingguan Watan juga diharamkan pada 1987 selepas Operasi Lalang (Mohd Safar Hasim 2004:45). Bagi kes-kes sekatan di atas, kerajaan telah menggunakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 bagi menyekat kebebasan media.

Era 1990-an pula menyaksikan Malaysia berhadapan dengan kemunculan media sosial apabila munculnya internet dengan kemudahan laman web dan e-mel sebagai medium untuk rakyat mendapat maklumat alternatif. Pada peringkat awal, kerajaan Malaysia menggalakkan rakyat menggunakan internet bagi mendapatkan informasi, namun setelah rakyat menggunakan media sosial untuk bertukar maklumat bagi menggerakkan gerakan reformasi, kerajaan mula mengambil langkah mengawasi mesej e-mel dan mengesan bahan yang dimuat turun. Misalnya, Malaysia Institute of Microelectronic Systems (Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia, MIMOS), sebuah pembekal perkhidmatan internet utama di Malaysia diarah bertindak memintas mesej yang dicurigai. Antaranya kerajaan menyekat berita palsu tentang penahanan Datuk Dr. Harun Din di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan mimpi beliau kemungkinan berlakunya rusuhan besar-besaran di Kuala Lumpur (Hilley 2011:191). Walaupun amalan kerajaan ini diprotes keras oleh banyak NGO kerana mengintip dengan cara meragut hak peribadi rakyat, namun kerajaan tetap melakukannya atas alasan untuk menjaga keselamatan negara. Akibat tindakan kerajaan mengawal kebebasan media ini, maka golongan kelas menengah khususnya tidak lagi mempercayai media tradisional.¹ Mereka menilai akhbar arus perdana sebagai instrumen propaganda kerajaan untuk menjustifikasi apapun yang

¹Media tradisional juga dikenali sebagai media arus perdana terdiri dari media cetak seperti akhbar, majalah dan media elektronik seperti televisyen dan radio. Media baharu pula merujuk kepada penggunaan internet sebagai medium untuk mengakses maklumat di alam maya, termasuklah melalui laman web, laman sosial, blog, portal berita dan sebagainya. Ia biasanya melibatkan penggunaan peralatan seperti komputer atau telefon pintar.

dibuatnya. Akibatnya, berita daripada sumber maklumat internet seperti laman sesawang ataupun blog berkembang dengan pesat sekali. Ini kerana rakyat melihat berita dari sumber maklumat alternatif ini lebih seimbang kerana tiada sekatan dari kerajaan.

Di zaman pemerintahan Abdullah Ahmad Badawi pula, pada mulanya beliau melonggarkan sekatan ke atas media. Beliau tidak menyekat portal-portal pembangkang seperti Keadilan Daily, Harakah Daily, Malaysian Insider, Malaysiakini, Agenda Daily, Facebook dan Twitter dari menyuarakan pandangan mereka tentang politik tanah air (A. Kadir Jasin 2016). Namun, apabila semakin banyak tentangan berlaku ke atasnya, Abdullah yang di awal pemerintahannya berjanji untuk bersikap lebih terbuka terhadap kebebasan media mula bersikap sebaliknya. Mohd Azizuddin Mohd Sani (2010) menyatakan terdapat tiga langkah yang diambil oleh negara dalam mengawal media. Pertama, menggunakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (1984) dan Akta Penyiaran (1998) untuk mengendalikan semua penerbitan. Apabila mereka melanggar, maka bukan hanya saman yang dikenakan kepada penerbit, tetapi juga pembatalan permit. Kedua, memusatkan media melalui pemilikan negara atau naungan politik kerajaan. Surat khabar yang dikendalikan oleh kerajaan antaranya ialah Berita Harian, Harian Metro dan Utusan Malaysia (bahasa Melayu), Nanyang Sing Pau dan China Press (bahasa Mandarin), Tamil Nesan, Tamil Osai dan Thinamani (bahasa Tamil), serta Star, Sun, Malay Mail dan lainnya (bahasa Inggeris). Ketiga, mengawasi dan mengendalikan tulisan para wartawan agar melaporkan sesuai dengan kepentingan dan kehendak kerajaan.

Hujah di atas menunjukkan dalam soal kebebasan media, dasar pentadbiran Abdullah adalah lebih kurang sama sahaja dengan Dr. Mahathir. Contohnya, beliau mengekalkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang mensyaratkan semua akhbar dan penerbitan berkala di Malaysia memohon lesen. Beliau juga mengekalkan struktur pemilikan surat khabar arus perdana bagi memastikan media arus perdana terus menyokong kerajaan. Contohnya UMNO mengawal surat khabar arus perdana seperti Berita Harian (BH), Utusan Malaysia (UM), dan New Straits Times (NST), manakala MCA pula mengawal The Star, Sin Chew, Nanyang Siang Pau and China Press. Semua stesen televisyen kerajaan dan TV kabel tunggal Astro turut dikawal oleh kementerian penerangan sama ada secara langsung atau oleh individu-individu yang dekat dengan kerajaan (Zaharom 2004:274). Keadaan ini menyebabkan hasrat rakyat untuk melihat media bebas dan adil di bawah kepimpinan Abdullah tidak kesampaian. Demokrasi Malaysia tetap ‘cacat’ seperti mana zaman pemerintahan Dr. Mahathir.

Di zaman Najib Razak pula, biarpun pada awalnya beliau berjanji untuk membawa transformasi yang lebih baik kepada kebebasan media, namun keadaan yang berlaku adalah sebaliknya. Kebebasan media masih dikawal ketat oleh negara. Misalnya negara menyekat laman berita seperti *The Malaysian Insider*, *Sarawak Report* dan *Asia Sentinel* serta mengambil tindakan undang-undang terhadap *Malaysiakini* dan menangkap serta mengusir dua wartawan *Australia Broadcasting Corporation*

(Fatih Hassan Nordin 2016). Bagi Najib Razak (2016:4), beliau mengambil tindakan sebegini kerana maklumat yang disiarkan memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Tindakan negara mengawal kebebasan media tersebut menimbulkan tiga persoalan utama yang perlu dijawab dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Mengapakah negara mengambil tindakan mengawal kebebasan media di Malaysia? Apakah akta-akta yang digunakan oleh negara untuk mengawal kebebasan tersebut?
- ii. Apakah bentuk-bentuk sekatan dan tindakan yang dilakukan oleh negara untuk mengawal kebebasan media di Malaysia?
- iii. Sejauh manakah kawalan negara terhadap kebebasan media memberi kesan terhadap kebebasan media di Malaysia?

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk meneliti kawalan negara ke atas kebebasan media dan impaknya terhadap hak politik dan sivil rakyat serta pendemokrasian politik Malaysia. Secara spesifik pula, objektif kajian ini pula adalah seperti berikut:

- i. Membincangkan faktor negara mengawal kebebasan media di Malaysia dan akta-akta yang digunakan oleh negara mengawal kebebasan tersebut.
- ii. Menilai bentuk-bentuk sekatan dan tindakan yang dilakukan oleh negara bagi mengawal media di Malaysia.
- iii. Menilai impak kawalan negara terhadap kebebasan media di Malaysia.

1.4 Skop Kajian

Tesis ini memfokuskan kepada kawalan negara terhadap kebebasan media di Malaysia. Dalam melakukan hal ini, pengkaji telah memilih empat akta yang berkaitan untuk diteliti, iaitu Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Keempat-empat akta ini dipilih atas dua sebab. Pertama, keempat-empat akta ini mempunyai ruang lingkup bidang kuasa yang meliputi media cetak, media elektronik dan juga media baharu. Kedua, keempat-empat akta ini berkait dengan

persoalan kebebasan media dan kebebasan bersuara di Malaysia. Dalam tesis ini, kes-kes yang berkaitan dengan akta-akta ini dianalisis untuk melihat sekatan dan halangan negara terhadap hak kebebasan bersuara, khususnya kebebasan media di Malaysia.

Selain itu, tesis ini juga menfokuskan kepada tindakan yang diambil oleh negara untuk mengawal kebebasan media di Malaysia. Antara tindakan tersebut adalah seperti mengenakan hukuman denda dan penjara terhadap orang yang melanggar peruntukan undang-undang, menahan pesalah di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri 1960 (ISA), menguatkuasakan lesen penerbitan dan percetakan, menapis maklumat di alam siber dan lainnya. Aspek-aspek ini menjadi fokus kerana inilah contoh sekatan dan tindakan yang digunakan oleh negara untuk mengawal kebebasan media di Malaysia.

Tempoh kajian ini merangkumi tempoh masa yang panjang dari empat akta ini diperkenalkan sehingga kini. Tempoh masa ini dipilih bagi penyelidik meneliti pelbagai isu berkaitan dengan kebebasan media di Malaysia.

1.5 Kerangka Konseptual: Negara dan Kebebasan Media

Kajian tesis ini adalah mengenai kawalan negara terhadap kebebasan media di Malaysia. Kawalan negara yang dimaksudkan dalam tesis ini ialah kawalan pemerintah terhadap media dengan menggunakan akta-akta tertentu untuk mengawal media daripada melaporkan berita dan maklumat yang bertentangan dengan kepentingan kerajaan dan negara. Sesuai dengan tajuk kajian, maka konsep negara dan demokrasi serta konsep kebebasan media dan hak bersuara digunakan sebagai kerangka konseptual.

1.5.1 Negara dan Demokrasi

Dalam melaksanakan fungsi negara menguatkuasakan undang-undang, mengutip cukai, melaksanakan pilihan raya dan membangunkan infrastruktur negara, maka sistem demokrasi adalah corak pemerintahan terbaik bagi menjalankan fungsi-fungsi ini kerana bentuk pemerintahannya adalah mengikut suara majoriti rakyat. Ini kerana istilah demokrasi itu sendiri menunjukkan kuasa rakyatlah yang menentukan kekuasaan negara.

Konsep negara atau negara telah dibahas oleh ramai sarjana. Negara yang dimaksudkan ialah negara yang berdaulat, mempunyai wilayah dan undang-undang serta diperintah oleh kerajaan yang sah. Dalam buku klasik *The Modern State*, MacIver (1964) mendefinisikan negara dari segi peranannya dalam masyarakat. Beliau menyatakan negara merupakan sistem organisasi yang memiliki autoriti tertinggi dan mampu mencipta undang-undang yang bersifat memaksa untuk mengatur interaksi masyarakat dalam wilayahnya. Katanya:

The state is an association which, acting through law promulgated by government endowed to this end with coercive power, maintains within a community territorially demarcated the universal external conditions of social order (MacIver 1964:22).

Ciaglia (2013:546) pula menyatakan negara adalah cerminan kehendak bersama individu yang dibentuk melalui kontrak sosial. Kehendak yang dimaksudkan adalah seperti mewujudkan sistem pilihan raya yang adil dan bersih, memberikan hak kebebasan bersuara, mengukuhkan demokrasi berparlimen dan sebagainya. Dalam konteks Malaysia misalnya, definisi negara mengikut konteks Ciaglia di atas dapat dilihat dalam kes tuntutan Bersih yang menuntut kerajaan mengadakan pilihan raya yang bebas, mentadbir negara dengan adil, menyelamatkan ekonomi Malaysia dan memberi hak membantah yang adil kepada rakyat Malaysia.

Jessop (2013) pula menjelaskan negara ialah kumpulan institusi yang memiliki legitimasi dan kedaulatan untuk memaksa dan melaksanakan aturan-aturannya dalam wilayah kekuasaannya. Negara memonopoli pembuatan keputusan dalam sesebuah wilayah dan masyarakat melalui pemerintahan yang disusun dengan baik. Pendapat ini selari dengan Sity Daud (2008) yang menyatakan negara biasanya digunakan bagi merujuk kepada organisasi atau institusi yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan urusan pemerintahan dan memastikan keberkesanan undang-undang dan peraturan masyarakat.

Huraian di atas menunjukkan negara boleh difahami dari tiga aspek. Pertama, negara adalah suatu wilayah dengan kedaulatannya diiktiraf oleh penduduk wilayah tersebut dan negara lain. Kedua, negara adalah suatu sistem pemerintahan yang mempunyai kuasa dan dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan urusan dan memastikan keberkesanan undang-undang. Ketiga, negara boleh dirujuk kepada sekumpulan elit berkuasa yang menerajui kuasa tertinggi negara seperti elit politik, elit ekonomi, elit birokrasi, dan pucuk pimpinan tertinggi tentera dan polis.

Dalam konteks tesis ini, negara digunakan sebagai konsep kajian untuk menunjukkan bagaimana pemerintah menggunakan kuasanya untuk mengawal media daripada bertindak bebas bagi menjaga keselamatan negara. Para sarjana seperti Dahl (1971), Gunther & Mughen (2000) dan Gayathry (2003) pula melihat kawalan negara ini sebagai menyekat kebebasan dan hak sivil rakyat.

Bagi Dahl, sebuah negara dianggap demokrasi sekiranya pemerintah menegak hak bersuara rakyat. Apabila wujud kawalan negara ke atas kebebasan bersuara rakyat (termasuk kebebasan media), maka negara tersebut menuju ke arah demokrasi yang buruk. Gunther & Mughen (2000) pula menyatakan kawalan negara terhadap kebebasan media adalah tindakan tidak demokratik kerana mencero bohi kebebasan bersuara rakyat. Sekiranya rakyat tidak dibenarkan bersuara, maka rakyat tidak boleh berperanan sebagai penyemak dan penyeimbang kepada tindakan kerajaan yang merupakan masyarakat sebuah negara demokrasi. Bagi Gayathry (2003) pula, media merupakan saluran untuk rakyat menyuarakan pendapat. Sekiranya saluran ini disekat, maka negara tidak berada pada tahap demokrasi yang baik kerana media perlu bebas daripada sekatan agar rakyat dapat mengemukakan pandangan mereka secara terbuka. Kesemua sekatan negara inilah yang menyebabkan tersekatnya demokrasi dalam sesebuah negara.

Apa pula yang dimaksudkan dengan demokrasi? Secara mudahnya, demokrasi adalah pemerintahan oleh rakyat (*rule by the people*). Yang dimaksudkan ‘oleh rakyat’ di sini ialah kedaulatan pemerintahan bukan lagi terletak di tangan seorang raja, seorang pemerintah atau diktator mahupun sekumpulan kecil orang (oligarki), akan tetapi terletak pada seluruh warga negara (Lane & Ersson 2003:18). Takrifan ini lebih kurang sama dengan kenyataan yang diberikan oleh Abraham Lincoln, bekas Presiden Amerika Syarikat yang menyatakan demokrasi ialah pemerintahan dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat.

Dalam satu pendapat menarik yang diberikan oleh Bobbio (1987:46) tentang demokrasi, beliau menyatakan demokrasi sebagai “...does not mean well being or prosperity of the people, but a method of government of the people.” Schumpeter (1947:269) pula menyatakan demokrasi sebagai “institutional arrangement for arriving at political decision in which individuals acquire the power to decide by means of competitive struggle for the people’s vote.” Lijphart (1999:52) pula mendefinisikan demokrasi sebagai “...a set of procedural rules for arriving at collective decisions in a way which accomodates and facilitates the fullest possible participation of interested parties.” Lipset (1959:71) pula menyatakan demokrasi ialah:

... a political system which supplies regular constitutional opportunities for changing the governing officials, and a social mechanism which permits the largest possible part of the population to influence major decisions by choosing among contenders for political office.

Kesemua definisi di atas menunjukkan demokrasi ialah pemerintahan berbentuk penggubalan dasar awam yang berhubungkait dengan kelangsungan hidup rakyat dan amat ditentukan oleh suara majoriti rakyat yang memiliki hak memilih melalui pilihan raya.

Sehubungan dengan definisi konsep di atas, maka tesis ini memahami demokrasi sebagai berikut: demokrasi adalah sistem yang menyediakan peluang penyertaan rakyat dalam politik, pilihan raya yang adil dan bebas, dan kerajaan mengiktiraf serta menghormati hak sivil dan kebebasan rakyatnya. Kenyataan ini menunjukkan demokrasi dan negara adalah saling berkait. Ini kerana bagi mencapai tahap negara yang stabil, negara memerlukan sebuah sistem demokrasi yang baik dengan mempunyai beberapa elemen asas seperti berikut: pilihan raya yang adil dan bebas, budaya sivil dan sivik yang baik, menegakkan undang-undang, menghormati hak asasi manusia dan menghormati kebebasan rakyat dalam mendapatkan maklumat.

Dalam konteks Malaysia, sarjana menyatakan Malaysia tidak mengamalkan demokrasi sepenuhnya, tetapi sebagai *quasi democracy* (Zakaria Ahmad 1989), *semi democracy* (Case 1993), *neither democracy nor authoritarian* (Crouch 1993) dan *statist democracy* (Jesudason 1995). Mereka berpendapat begini kerana suasana dan sistem politik di Malaysia sangat ditentukan oleh negara. Arah negara dijadikan undang-undang dan lazimnya tidak banyak tolak ansur. Selain itu, perjalanan pilihan raya dan bentuk persaingan pula sangat dipengaruhi oleh negara. Tidak cukup dengan itu, negara juga mengawal kebebasan rakyat dengan undang-undang seperti Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Komunikasi dan Multimedia dan lainnya.

Kawalan negara terhadap kebebasan media di Malaysia menyebabkan kajian ini memilih menggunakan konsep negara dan demokrasi sebagai alat analisis. Konsep negara dipilih kerana negara mempunyai kuasa dalam menggubal dan menguatkuasakan undang-undang di dalam sesebuah negara. Oleh itu, negara bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan undang-undang yang digubalnya bagi memastikan keamanan dan keselamatan negara terjamin. Manakala demokrasi pula digunakan sebagai alat analisis untuk melihat tindakan negara dalam memastikan hak-hak perlembagaan warganya untuk bebas berkumpul, berpersatuan dan bersuara dihormati. Dalam konteks Malaysia, kajian ini menilai adakah negara bertindak dengan baik dalam menjamin hak bersuara rakyatnya dan pada masa yang sama menjamin keselamatan negara?

1.5.2 Kebebasan Bersuara dan Kebebasan Media

Kebebasan bersuara atau hak bersuara adalah hak seseorang menyampaikan maklumat, khususnya melalui mana-mana medium media tanpa perlu terikat dengan batasan undang-undang negara. Barendt (2005:2) dalam artikelnya *Freedom of Speech* menyatakan kebebasan bersuara sebagai “...the right to articulate one's opinions and ideas without fear of government retaliation or censorship, or societal sanction.” Meyer (2002:4) pula menyatakan kebebasan bersuara sebagai “...freedom of opinion and expression are rights which uniquely enable us to promote, protect and fulfil all other human rights. The rights enable us to expose,

communicate and condemn human rights abuses.” Dalam konteks negara Barat, mereka memberikan kebebasan bersuara kepada rakyat untuk menjamin hak asasi rakyat untuk mengemukakan pandangan, dan sekatan oleh negara terhadap kebebasan ini adalah tindakan yang menyekat hak asasi mereka. Kesemua definisi di atas menunjukkan kebebasan bersuara ialah hak untuk seseorang individu mengemukakan pandangannya bagi mempertahankan hak asasinya tanpa adanya sekatan daripada negara atau pihak lain.

Godwin (2013) pula menyatakan kebebasan bersuara adalah keupayaan individu untuk bertanya, menyoal, meluahkan atau bertukar pendapat, berdebat, menegur, mengkritik dan sebagainya untuk kefahaman kepada pihak-pihak yang terlibat tanpa adanya tapisan dari mana-mana pihak. Ia bermaksud seseorang individu itu boleh mengeluarkan pendapat mereka tanpa adanya sekatan termasuklah undang-undang. Pendapat ini selari dengan Mohd Azizuddin (2002) yang menyatakan kebebasan bersuara adalah hak bagi seseorang individu mengemukakan pendapatnya tanpa dihalang oleh pihak lain. Di sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, hak kebebasan bersuara diberikan jaminan bukan sahaja oleh perlembagaan, tetapi juga oleh kerajaan untuk membolehkan rakyat turut sama melibatkan diri dalam proses pembentukan undang-undang dan dasar negara.

Di Malaysia, kebebasan bersuara telah diperuntukkan di bawah Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Abdul Aziz Bari (2000) menyatakan dari segi praktiknya, hak untuk bersuara dan bercakap (termasuk hak menulis dan menerbit) adalah saling berkait antara satu sama lain. Justeru, dalam kajian ini, kebebasan bersuara adalah difokuskan kepada kebebasan media sahaja kerana ia juga merupakan satu elemen penting dalam kebebasan bersuara. Apatah lagi, dengan perkembangan dan kecanggihan teknologi masa kini, kebebasan bersuara bukan lagi terbatas kepada lisan, ucapan, ceramah, berkempen dan berpidato sahaja, tetapi juga kepada tindakan melontarkan pandangan dan pendapat melalui penulisan yang diterbitkan melalui media cetak mahupun media elektronik. Contoh media cetak ialah akhbar, buku, majalah serta risalah, manakala media elektronik pula ialah televisyen, radio dan internet.

Apa itu kebebasan media? Mohd Azizuddin (2005) menyatakan kebebasan media adalah keupayaan seseorang individu menyampaikan maklumat atau suara hati masyarakat melalui saluran media tanpa sebarang kawalan atau pengaruh pihak-pihak tertentu sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya negara. Dalam kata lainnya, kebebasan media membolehkan seseorang warga negara bebas meluahkan pandangan mereka tanpa adanya sekatan dari negara. Mohd Azizuddin menyatakan dengan wujudnya kebebasan media, suasana demokrasi yang baik dapat dijana dalam sesebuah kelompok masyarakat.

Pendapat ini selari dengan Netto (2002) yang menyatakan kebebasan media adalah hak yang diberikan oleh perlembagaan untuk seseorang individu atau kelompok masyarakat bagi menyebar luas, menerbit dan mengedar bahan-bahan berkaitan

dengan media seperti surat khabar, majalah, buku atau maklumat di internet tanpa adanya campur tangan dari negara. Apabila wujudnya campur tangan negara, maka media tidak lagi bebas sepenuhnya. Ini kerana bebas dalam konteks media bermaksud tidak wujudnya sekatan dari negara atau pihak lain untuk rakyat menyuarakan pandangan mereka di media. Misalnya, kewujudan akta-akta yang menyekat di media menunjukkan masih adanya halangan untuk rakyat mengemukakan pandangan. Abu Talib Othman (2003:45) menyatakan kebebasan media adalah hak kebebasan seseorang individu untuk mengeskspresikan segala pandangan, pendapat dan cadangan melalui saluran media tanpa adanya halangan dari pihak penguasa. Apabila wujudnya halangan dan sekatan, proses demokrasi di sesebuah negara belum lagi berada di tahap yang memuaskan.

Huraian di atas menunjukkan kebebasan media adalah hak seseorang untuk menulis dan menerbitkan sesuatu secara bebas tanpa terikat kepada sekatan negara. Sekiranya negara mengikat kebebasan ini, maka secara tidak langsung ini bermakna negara mengawal kebebasan bersuara warganya. Apabila ini berlaku, inilah yang dikatakan tidak wujudnya demokrasi di negara berkenaan.

Dalam mengkaji kebebasan media di Malaysia, adalah penting untuk meneliti ruang awam dan ruang kebebasan yang dibenarkan oleh negara ke atas warganya. Ini kerana ruang awam dapat menjelaskan keterbukaan negara terhadap kebebasan yang dibenarkan terhadap rakyatnya. Sparks (2001:87) dalam bukunya *The Internet and the Global Public Sphere in Mediated Politics* menyatakan ruang awam banyak diwujudkan oleh media kerana media sudah menjadi satu keperluan harian golongan massa untuk mendapatkan maklumat dan menyuarakan pendapat mereka. Memandangkan pengaruh media meluas dan mudah dicapai oleh orang awam, maka negara mengawal kebebasan media ini bagi memastikan legitimasi pemerintah tidak digugat oleh pihak yang berpotensi menjatuhkan mereka.

Misalnya di negara Singapura, negara mengawal penyebaran propaganda tentang keburukan kerajaan di media. Perdana Menteri, Lee Kuan Yew semasa berucap di Perhimpunan Agung International Press Institute di Helsinki, Finland pada 9 Jun 1971 menyatakan: "Freedom of the press, freedom of the news media, must be subordinated to the overriding needs of the integrity of Singapore, and to the primacy of purpose of an elected government" (Dlm. Kuo 2002:27). Pihak yang memburukkan negara akan dikenakan tindakan seperti hukuman denda, penjara dan tidak dibenarkan mengeluarkan sebarang penerbitan tanpa keizinan negara. Misalnya, Singapura telah menjatuhkan hukuman penjara enam minggu kepada Alan Shadrake, penulis buku *Once a Jolly Hangman: Singapore Justice in the Dock*. Beliau juga didenda S\$20,000 kerana didapati bersalah mempersoalkan ketelusan sistem perundangan Singapura (Lee & Birch 2000:153). Maka dengan cara ini, negara dapat mengawal perbincangan dalam media yang boleh mengancam kuasa kerajaan, sekali gus mengekalkan status quo yang dimilikinya.

Justeru, kebebasan ruang awam berkait rapat dengan kebebasan media yang menjadi prasyarat bagi sebuah negara demokrasi, maka adalah penting negara yang mengamalkan sistem demokrasi membuka ruang awam ini kepada rakyatnya. Dengan menggunakan konsep-konsep yang telah dibincangkan, tesis ini mengkaji kebebasan media di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada empat akta utama yang berkaitan dengan kebebasan media di Malaysia, iaitu Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, serta impaknya terhadap pendemokrasian politik Malaysia.

1.6 Sorotan Kajian Lepas

Bagi memantapkan soroton literatur tesis ini, maka sorotonnya dibahagikan kepada dua tema utama, iaitu menyorot: (i) kajian lepas mengenai kawalan negara dan kebebasan media di negara maju, dan (ii) kajian lepas mengenai kawalan negara dan kebebasan media di negara sedang membangun.

1.6.1 Kawalan Negara dan Kebebasan Media di Negara Maju

Soroton ini hanya memilih empat kajian lepas sahaja untuk disoroti iaitu kajian oleh Uimonen (2015) di Finland, Slootweg & Aasman (2015) di Netherlands, Rolland (2008) di Norway, dan Svensson & Edstrom (2016) di Sweden.

Uimonen (2015) dalam artikelnya *Finland of the Free: Why the Finns Always Top Media Freedom Indexes* membincangkan tentang tahap kebebasan media di Finland. Fokus kajian beliau adalah meneliti faktor yang menyebabkan Finland sentiasa mengekalkan tahap kebebasan media yang terbaik di dunia. Uimonen mendapati Finland berada di tangga teratas berbanding negara lain dalam soal kebebasan media kerana undang-undangnya tidak menyekat kebebasan media. Tiadanya sekatan ini menyebabkan rakyat boleh mengkritik kerajaan dan menyuarakan pandangan balas mereka terhadap sesuatu keputusan dan tindakan kerajaan. Misalnya, undang-undang Finland Press Law 1984 menyatakan kandungan maklumat di media tidak boleh disekat oleh negara dan tiada denda dikenakan terhadap pihak yang mengkritik kerajaan di media. Ini kerana negara menganggap kebebasan bersuara perlu diberikan kepada rakyat bagi menjamin hak asasi setiap individu. Hasilnya, Finland adalah negara yang mempunyai kebebasan akhbar dan akses internet termudah di dunia.

Slootweg & Aasman (2015) dalam artikel mereka *Democratic Television in the Netherlands* membincangkan kebebasan media di Netherlands. Mereka menyatakan media di Netherlands bebas melaporkan berita-berita yang berkaitan dengan kepentingan negara dan rakyat awam. Kebebasan media boleh dilihat daripada laporan berita di televisyen dan akhbar utama negara tersebut seperti NPO 1, NPO

2, NPO 3, PCM Uitgevers dan De Telegraaf yang menyiarkan berita tentang kempen politik di Netherlands. Media ini melaporkan berita tentang parti-parti politik seperti People's Party for Freedom and Democracy (VVD), Labour Party (PvdA) dan Christian Party (CDA) secara adil dan seimbang menyebabkan rakyat mempunyai maklumat yang mencukupi untuk memilih parti terbaik bagi mewakili mereka dalam kerajaan. Misalnya ketua parti VVD, Mark Rutte dibenarkan berkempen dalam saluran televisyen NPO 1 selepas beliau kalah dalam pilihan raya pertamanya pada 2006; ketua parti PvdA, Diederik Maarten telah berkempen di akhbar De Telegraaf bagi memperjuangkan negara berkeadilan di Netherlands, dan Jan Peter Selau ketua parti CDA telah berkempen di saluran televisyen utama seperti NPO 1 dan NPO 3 supaya negara ditadbir oleh agamawan Kristian. Kebebasan media ini memberikan kelebihan kepada setiap parti politik untuk berkempen di semua saluran televisyen dan akhbar utama. Hal ini menunjukkan tiadanya sebarang diskriminasi terhadap mana-mana parti politik yang ingin berkempen melalui media di Netherlands.

Selain itu, rakyat juga bebas menulis dan menyatakan pandangan mereka di laman-laman sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube. Kebebasan media ini menyebabkan rakyat Netherlands dapat mengutarakan pandangan mereka terhadap pemerintah yang mentadbir. Kesannya, negara dapat menerima pandangan rakyat tanpa adanya sekatan. Kajian Slootweg & Aasman (2015) relevan dengan tesis ini kerana memberikan pengetahuan kepada penyelidik tentang kebebasan media di Netherlands yang penyelidik boleh aplikasikan dalam konteks kajian ini tentang kebebasan media di Malaysia.

Rolland dalam artikelnya *The Norwegian Media Ownership Act and the Freedom of Expression* (2008) mengkaji tentang peranan negara dalam mengawal kebebasan media massa di Norway. Beliau menyatakan tujuan negara mengawal media adalah untuk menjaga keamanan dan kemakmuran Norway. Mengikut Rolland, PM Norway, Jens Stoltenberg menganggap media perlu dikawal agar maklumat palsu tidak disebarkan sehingga menimbulkan fitnah. Antara sekatan terhadap media yang dilaksanakan oleh negara adalah dengan mengenakan hukuman penjara (di bawah Artikel 100) kepada mana-mana pengamal media yang mengeluarkan fitnah dan mengungkap kebencian di media yang menimbulkan ketidakamanan kepada negara. Rolland memberikan contoh tentang hukuman denda \$4,000 dan penjara tiga minggu yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Norway terhadap Klomsaet yang membocorkan bahan sulit polis di media mengenai siasatan terhadap Breivik (pengganas Norway). Mahkamah Tinggi Norway juga pernah menjatuhkan hukuman penjara 120 hari kepada Ubaydullah Hussein, pengasas kumpulan pelampau Prophet's Ummah kerana menghina bangsa Yahudi di media sebagai bangsa yang tidak bertamadun. Kesemua tindakan di atas menyebabkan masyarakat, para editor dan wartawan menjadi tidak berani untuk melaporkan berita palsu dan mengganggu sensitiviti masyarakat. Dua perkara yang menarik tentang kajian Rolland adalah beliau menyatakan sekatan oleh negara perlu wujud bagi menjaga keamanan dan kemakmuran negara. Beliau juga menyatakan sekatan ke atas media tidak bermakna menyekat hak asasi rakyat untuk bersuara sekiranya sekatan itu adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang mengganggu gugat keamanan negara.

Kajian Rolland ini relevan dalam membantu penyelidik memahami bentuk-bentuk kawalan negara ke atas kebebasan media, khususnya jika dilihat dalam konteks Malaysia.

Svensson & Edstrom (2016) dalam artikel mereka *Market-Driven Challenges to Freedom of Expression and the Interaction between the State, the Market, and the Media* mengkaji hubungan antara negara dan kebebasan media di Sweden. Mereka menyatakan biarpun media bebas di negara tersebut, tetapi negara tetap mengawal media dengan menggubal beberapa undang-undang. Ini kerana negara ingin memastikan isu seperti bangsa, warna kulit, etnik, kepercayaan agama dan orientasi seksual tidak disentuh sewenang-wenangnya oleh masyarakat. Antara undang-undang yang dilaksanakan ialah Akta Free Press Statute 1812 yang mengenakan hukuman denda dan penjara. Svensson & Edstrom memberikan contoh tentang seorang artis Sweden bernama Dan Park yang menerima hukuman penjara enam bulan dan denda sebanyak \$10,000 kerana didapati bersalah memfitnah dan menghasut bagi menimbulkan kebencian terhadap kumpulan etnik Afrika di blognya. Svensson & Edstrom menyatakan etnik Afrika adalah etnik yang hina dan tidak patut berada di Sweden kerana golongan inilah yang menyebabkan Sweden mundur. Kesan tindakan negara ini menyebabkan rakyat Sweden lebih berhati-hati dalam mengemukakan pandangan mereka di media, walaupun sekatananya terhad.

Svensson & Edstrom menyatakan akhbar dan majalah di Sweden seperti *Aftonbladet*, *Expressen* dan *Amelia* adalah milik persendirian, dan negara memberikan perlindungan kepada pemilik surat khabar tanpa mengira fahaman politik mereka. Selain itu, penerbit dibenarkan menyiarkan program televisyen mingguan di SVT, SVT1 dan SVT2 dalam beberapa bahasa asing seperti bahasa Inggeris dan bahasa Jepun. Kebebasan ini diberikan kerana negara menganggap setiap individu di Sweden perlu diberikan hak untuk mendapatkan maklumat dan bersuara. Kesannya, rakyat Sweden dapat bersuara di media dengan syarat mereka tidak menyentuh isu sensitiviti seperti bangsa, warna kulit, etnik dan kepercayaan agama. Antara kelebihan kajian ini adalah Svensson & Edstrom menyatakan perlunya wujud sekatan ke atas media oleh negara asalkan sekatan yang dilaksanakan adil dan saksama kepada masyarakat. Kajian Svensson & Edstrom ini relevan dalam membantu penyelidik memahami kawalan negara ke atas kebebasan media, khususnya dalam konteks Malaysia yang menjadi fokus penelitian tesis ini.

Huraian di atas menunjukkan fokus kajian lepas menumpukan kepada tahap kebebasan media di negara maju. Misalnya, kajian Rolland (2008) di Norway dan Svensson & Edstrom (2016) di Sweden lebih menumpukan kepada undang-undang yang mengawal media. Uimonen (2015) di Finland dan Slootweg & Aasman (2015) di Netherlands pula lebih menumpukan kepada tahap kebebasan media yang dibenarkan oleh negara. Walaupun kajian di atas adalah mengenai kebebasan media

di negara maju, namun ia cukup berguna bagi kajian ini kerana perbahasan dalam tulisan mereka dapat membantu penyelidik untuk memahami tentang kebebasan media di Malaysia yang menjadi fokus penyelidikan tesis ini.

1.6.2 Kawalan Negara dan Kebebasan Media di Negara Membangun

Bahagian ini meneliti kajian lepas mengenai sekatan terhadap kebebasan media di negara membangun. Beberapa kajian lepas yang diteliti dalam soroton ini ialah kajian yang dilakukan oleh Bagheri & Halili (2010) di Iran, Praeli (2010) di China, Erman Anom (2011) di Indonesia, George (2012) di Singapura, serta Mohd Azizuddin Mohd Sani (2005) dan Yow Chong Lee (2014) di Malaysia. Pengkaji memilih negara-negara ini kerana berada dalam kategori yang sama dengan Malaysia yang menjadi fokus kajian ini.

Bagheri & Halili (2010) dalam artikel mereka “Press legal regime in Iran: flexibility and coordination with new communication technologies” meneliti isu-isu kebebasan media di Iran dengan melihatnya dari perspektif undang-undang dan perlembagaan. Dalam dasar perlembagaan Iran, Artikel 1(2) menyatakan: “Sebarang suara rakyat yang disebarkan di media perdana dan media baru tidak boleh dihalang pemerintah.” Ini kerana sebagai sebuah negara Republik Islam, kerajaan Iran percaya media merupakan hak asasi yang perlu diberikan kepada rakyat bagi menyatakan pandangan mereka secara terbuka. Artikel 3(6) mengukuhkan peruntukan Artikel 1(2) dengan menyatakan kebebasan media adalah hak yang perlu diberikan kepada rakyat supaya rakyat boleh menjadi watchdog untuk menghapuskan segala bentuk kezaliman, autokrasi dan monopoli kuasa yang boleh meruntuhkan negara. Namun, dalam mendukung kebebasan tersebut, Artikel 175 Perlembagaan Iran menyatakan dua syarat yang perlu dipatuhi, iaitu: (i) kebebasan bersuara dan penyebaran pandangan di radio dan televisyen perlu selaras dengan kriteria Islam dan kepentingan negara, dan (ii) dasar-dasar dan cara menguruskan organisasi serta penyeliaan media adalah ditentukan oleh undang-undang.

Walaupun perlembagaan Iran memperuntukkan media yang bebas, namun dari segi praktiknya, segala jenis saluran media termasuk akhbar, televisyen dan radio dimiliki secara eksklusif oleh kerajaan dan maklumat yang disiarkan mestilah mengikut kehendak kerajaan. Ini menunjukkan media di Iran adalah tidak bebas, walaupun perlembagaannya menyatakan media di Iran adalah bebas. Semua maklumat dalam surat khabar dan majalah boleh disiarkan sekiranya bertepatan dengan kehendak kerajaan. Hasil analisis mereka, Bagheri & Kamal Halili menyatakan media di Iran adalah tidak bebas kerana tindakan kerajaan Iran yang menyekat kebebasan media, sekali gus meniadakan hak asasi rakyatnya. Kesannya, demokrasi di Iran semakin mereput dan semuanya berpusat kepada pemerintah dalam mengawal kebebasan media. Kajian Bagheri & Halili cukup bermanfaat kepada penyelidik untuk memahami pendekatan kawalan negara dalam mengawal kebebasan media, apatah lagi kajian mereka mempunyai persamaan dengan latar keadaan kebebasan media yang dikawal oleh negara di Malaysia.

Praeli dalam *New media and freedom of the press in China* (2010) pula menulis tentang kebebasan media di China. Beliau menegaskan media di China tidak bebas sama sekali, bukan sahaja media perdana yang dikawal, tetapi juga media sosial seperti Facebook dan You Tube turut disekat. Selain itu, sebarang maklumat di Internet yang memburukkan kerajaan juga segera dipadamkan. Tidak cukup dengan itu, perbincangan berkaitan dengan hak asasi manusia juga turut dilarang dan sesiapa yang didapati melanggar peraturan ini dikenakan hukuman keras. Misalnya laman web yang membincang protes rakyat China di Dataran Tiananmen pada tahun 1989 untuk menuntut perubahan politik, telah disekat dan tidak dibenarkan beroperasi. Tujuannya untuk memastikan rakyat hanya mendapat maklumat daripada pihak kerajaan sahaja.

Dalam mengukuhkan lagi hujahnya bahawa media di China tidak bebas dan dikawal ketat oleh negara, Praeli memberikan maklumat tentang aktivis-aktivis yang ditahan oleh negara atas tuduhan menulis tentang keburukan negara. Antaranya Li Tingting (25), Wei Tingting (26), Wang Man (32), Zheng Churan (25), dan Wu Rongrong (30) yang ditahan kerana mereka mengkritik kelemahan kerajaan di media. Mereka menuntut supaya disediakan lebih banyak tandas wanita dan isu keganasan diselesaikan oleh pemerintah China. Tulis Praeli lagi, kerajaan China menapis ketat blog-blog dan menubuhkan Jabatan Polis Internet untuk mengawal salah laku di media internet ini. Selain itu, negara juga menggubal Undang-undang Keselamatan Negara (*National Security Law*) untuk mengawal penggunaan Internet seperti blog dan laman web dengan cara membangunkan sistem penapisan Internet yang dikenali sebagai 'Great Firewall'. Sistem ini mengesan dan menapis semua maklumat yang mengkritik pemerintah di media. Selain itu, negara juga menguatkuasakan Artikel 291 bagi menghukum pihak-pihak yang menyebarkan maklumat di media yang mengancam kuasa negara. Kajian Praeli mengenai kawalan negara terhadap kebebasan media ini mempunyai persamaan dengan kajian ini. Oleh itu, ia sangat membantu penyelidik meneroka kawalan negara terhadap media dan impaknya terhadap kebebasan sivil dan politik rakyat di Malaysia.

Erman Anom (2011) dalam artikel bukunya *Wajah pers Indonesia 1970-2000* membincangkan kawalan negara terhadap media massa di Indonesia pada era pemerintahan Soeharto. Beliau menyatakan Soeharto memerintah secara autokratik dengan menyekat kebebasan media. Rakyat disekat bagi mendapatkan maklumat dan kejadian sebenar yang berlaku. Soeharto telah menjalankan bentuk sekatan seperti menarik lesen pemilik media yang berlawanan dengan negara dengan menggunakan peruntukan Undang-Undang No. 11 tahun 1966. Dengan undang-undang ini, Soeharto telah menarik balik permit akhbar mahasiswa yang mengkritik pembinaan Taman Mini Indonesia Indah (TMII) yang menggunakan dana rasuah. Beberapa akhbar seperti Indonesia Raya dan Pedoman dibatalkan lesennya. Mahasiswa juga dihalang dari mengeluarkan kenyataan menentang Soeharto di media masa seperti televisyen dan surat khabar. Selain itu, Soeharto juga tidak membenarkan media massa menyebarkan ideologi demokrasi terpimpin oleh Soekarno dan hanya membenarkan ideologi Pancasila dan UUD 1945 disiarkan. Bagi Soeharto, keamanan dan kestabilan politik dapat dikekalkan dengan cara memastikan semua pihak menyokongnya, termasuklah media massa. Soeharto juga

tidak membenarkan mana-mana pembangkang bersuara di dalam media massa kerana melihat mereka sebagai boleh mengancam kedudukan kuasanya. Oleh itu, beliau tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang membangkangnya.

Disebabkan tekanan ini, rakyat bangkit menentang Soeharto dan akhirnya beliau meletakkan jawatannya pada 21 Mei 1998. Kelebihan kajian ini adalah keupayaan Erman Anom membincangkan sekatan media yang dilakukan oleh Soeharto sehingga mencetuskan kebangkitan rakyat untuk menentang pemerintahannya. Kajian Erman relevan dengan tesis ini kerana memberikan pengetahuan kepada penyelidik tentang sekatan media oleh negara di Indonesia yang boleh penyelidik gunakan untuk mengaplikasikannya dalam konteks Malaysia.

George dalam bukunya *Freedom from the press: journalism and state power in Singapore* (2012) mengkaji tentang peranan negara dalam mengawal kebebasan media massa di Singapura. Beliau menyatakan tujuan negara mengawal media adalah untuk melindungi kuasa Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong agar *status quo* terus kekal berkuasa. Mengikut George, Lee Hsien Long perlu terus kekal berkuasa agar legitimasi ayahnya, Lee Kuan Yew dapat dilanjutkan dalam kepimpinan Singapura. Antara sekatan terhadap media yang dilaksanakan oleh negara adalah dengan mengenakan hukuman penjara kepada mana-mana pengamal media yang mengkritik kepimpinan Hsien Loong, dan menyekat saluran televisyen besar di Singapura seperti MediaCorp dan SPH Mediaworks daripada menyiarkan berita-berita yang memburukkan pihak pemerintah. George memberikan contoh tentang hukuman denda dan penjara enam minggu yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Singapura terhadap Alan Shadrake, penulis buku, *Once a Jolly Hangman: Singapore Justice in the Dock*. Shadrake, warga British didakwa kerana beliau mempersoalkan ketelusan sistem perundangan Singapura. Shadrake didenda \$S20,000 dan terpaksa merengkok dalam penjara. Mahkamah Tinggi Singapura juga pernah mendenda majalah *The Wall Street Journal Asia* yang berpangkalan di Hong Kong sebanyak 10,700 pound kerana menghina mahkamah. Kesemua tindakan di atas menyebabkan para editor dan wartawan menjadi tidak berani untuk melaporkan berita yang berlawanan dengan kepentingan politik dan ekonomi pemerintah Singapura.

Analisis George menarik dari dua aspek. Pertama, walaupun kerajaan Singapura mengawal ketat kebebasan media, namun ini tidak membawa kepada pemberontakan rakyat secara terbuka terhadap negara. Kedua, walaupun negara mengawal ketat kebebasan media, namun ini tidak menyekat kemajuan Singapura, malah Singapura terkenal sebagai negara yang paling maju di rantau Asia—setanding dengan Jepun, Korea Selatan dan Hong Kong. Dengan penemuannya ini, George menolak hujah sarjana sebelum ini seperti Huntington (1996) dan Coleman (2010) yang mengaitkan kebebasan media dengan pembangunan dan demokrasi. Kajian George ini relevan dalam membantu penyelidik memahami impak kawalan negara ke atas kebebasan media, khususnya jika diaplikasikan pengalaman Singapura ini dalam konteks Malaysia.

Kebebasan media di Malaysia dibincangkan oleh Mohd Azizuddin Mohd Sani dalam artikelnya “Media freedom in Malaysia” (2005). Beliau menyatakan media di Malaysia dikawal oleh negara dan syarikat media milik kerajaan untuk mengekalkan status quo parti pemerintah. Hujahnya, satu cara negara menyekat kebebasan media adalah dengan menggunakan undang-undang seperti ISA, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Misalnya, di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 kerajaan telah menyekat kesemua akhbar seperti Eksklusif dan Harakah kerana menyebarkan berita untuk menyokong reformasi Anwar Ibrahim. Sehubungan dengan sekatan ini, rakyat telah bangkit dan mengadakan demonstrasi bagi melawan pemerintah. Kesannya, rakyat dilihat menuju ke arah menuntut pendemokrasian yang lebih baik.

Mohd Azizuddin menyatakan kerajaan mewujudkan sekatan ini atas dua sebab. Pertama untuk menjaga keamanan dan keharmonian kaum. Kedua, untuk menyekat anasir-anasir luar mempengaruhi rakyat bagi membenci kerajaan. Kelebihan kajian Mohd Azizuddin Mohd Sani adalah keupayaannya membincangkan akta-akta yang digunakan oleh negara untuk menyekat kebebasan media di Malaysia. Pun begitu, kajian beliau tidak menumpukan kepada impak akta-akta ini terhadap kebebasan media dan politik Malaysia. Tanpa menafikan kelebihan kajian di atas, tesis ini mengisi kelompongan yang wujud dalam kajian beliau.

Yow Chong Lee (2014) dalam artikel “Berita Televisyen dan Kebebasan Media di Malaysia” membincangkan sekatan negara ke atas berita televisyen di Malaysia, khususnya TV2 dan NTV7. Beliau menggunakan kaedah kajian analisis kandungan dengan meneliti dasar dan akta-akta yang berkaitan media di negara ini. Hasil analisisnya, beliau mendapati para wartawan televisyen terdedah kepada dakwaan di bawah Akta Hasutan 1948 atau Akta Fitnah, malah ada yang ditahan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) kerana mengkritik pemerintah. Misalnya di bawah ISA, kerajaan telah menahan dua personaliti media iaitu A.Samad Ismail, editor New Straits Times; dan Samani Mohd Amin, editor Berita Harian kerana telah dituduh terlibat dalam menyokong komunis. Tujuan kerajaan adalah untuk menyekat ideologi luar dari mempengaruhi rakyat untuk menentang pemerintah. Hasil kajian beliau juga mendapati media di negara ini dimiliki sebahagian besarnya oleh kroni yang berhubung rapat dengan pihak berkuasa. Misalnya saluran TV3 dan akhbar Utusan Malaysia cenderung untuk memihak beritanya kepada pemerintah. Hujahnya lagi, pemilikan media oleh pihak yang rapat dengan pemerintah ini telah memberi kesan kepada corak pemberitaan kerana media hanya tertumpu melaporkan berita yang selaras dengan kehendak pihak berkuasa sahaja. Kelebihan kajian ini adalah kerana membincangkan akta-akta yang menyekat kebebasan media dan kesannya terhadap politik Malaysia. Hal inilah yang membantu penyelidik untuk memahami secara lebih jelas lagi tentang akta-akta yang menyekat kebebasan media di Malaysia—yang menjadi fokus kajian ini.

Sorotan kajian di atas membincangkan tentang sekatan dan halangan yang dilaksanakan oleh negara terhadap kebebasan media di negara sedang membangun. Misalnya, kajian Bagheri & Halili (2010) di Iran, Praeli (2010) di China, dan Erman

(2011) di Indonesia membincangkan akta-akta yang menyekat kebebasan media, manakala kajian Mohd Azizudin (2005) dan Yow Chong Lee (2014) di Malaysia pula membincangkan kesan sekatan negara terhadap kebebasan media. Namun, kajian para sarjana di atas tidak membincangkan bentuk-bentuk sekatan dan tindakan negara ke atas media secara mendalam serta impaknya terhadap pendemokrasian politik Malaysia. Persoalan yang ditinggalkan inilah dikaji dalam penyelidikan ini dengan melihat kepada pengalaman Malaysia.

1.7 Kepentingan Kajian

Kebebasan media merupakan isu penting yang mendapat perhatian masyarakat. Ini kerana dengan wujudnya kebebasan media, suara rakyat dapat didengari dan maklumat dapat disalurkan kepada masyarakat tanpa adanya halangan. Kebebasan bersuara (termasuk kebebasan media) termaktub di dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan: Semua warga negara berhak memberi pandangan dan bebas bersuara bagi memberikan pandangan mereka (termasuklah menyatakan pandangan di media). Dalam perkembangan semasa, berlaku peningkatan kebolehcapaian internet yang menyebabkan lebih banyak maklumat terkini dapat diakses dengan mudah oleh masyarakat Malaysia. Dengan perkembangan ICT, rakyat menumpukan kepada media sosial untuk mendapatkan maklumat. Ini kerana media perdana tidak lagi bebas kerana negara menggunakan akta-akta tertentu untuk menyekat kebebasan media. Antaranya adalah Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Perkara ini menyebabkan rakyat berasa tidak puas hati dan beralih kepada media sosial.

Oleh itu, kajian ini penting bagi melihat bentuk-bentuk sekatan yang digunakan oleh negara untuk mengawal kebebasan media. Kajian ini menumpukan kepada keempat-empat akta ini kerana ia menjadi akta-akta utama yang digunakan oleh negara bagi menyekat kebebasan media di Malaysia. Akta-akta ini dapat menjelaskan bentuk sekatan dan halangan yang dilaksanakan oleh negara dan ianya penting bagi melihat keberkesanan sistem demokrasi di Malaysia. Ini kerana demokrasi yang diamalkan tanpa amalan kebebasan bersuara hanya dilihat cantik di sudut permukaan sahaja, tetapi hilang nilai-nilai kebajikannya.

Kajian ini juga penting bagi menilai sama ada isu kebebasan media di negara ini dipengaruhi oleh elit politik atau sebaliknya. Ini kerana elit politik adalah sebahagian daripada mereka yang memperjuangkan kebebasan media. Misalnya, Ambiga Sreenevasan dan Maria Chin Abdullah adalah penggerak utama NGO Bersih untuk mengajak rakyat melawan sekatan negara terhadap media. Selain itu, kajian ini juga dapat menilai semula sama ada akta-akta ini relevan digunakan atau tidak oleh pemerintah di Malaysia. Selain itu, kajian ini penting bagi mengisi kekosongan kajian daripada sarjana-sarjana lepas. Ini kerana kajian-kajian lepas tidak menumpukan analisis kepada impak kawalan negara terhadap kebebasan media dan kajian ini mengisi kekurangan tersebut.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi penyelidikan merupakan elemen penting dalam sebuah penelitian akademik kerana ia menentukan corak dapatan sesuatu hasil kajian. Oleh itu, penyelidik perlu membuat perancangan teliti, sah dan reliable supaya penyelidikan ini dapat dipertanggungjawabkan secara akademik dan dapat menjawab persoalan kajian tesis ini. Tesis ini adalah mengenai kawalan negara ke atas kebebasan media di Malaysia. Bagi mendapatkan data kajian, pengkaji menyusun penulisannya seperti berikut.

1.8.1 Reka Bentuk Kajian dan Unit Analisis

Bagi menganalisis kawalan negara ke atas kebebasan media di Malaysia, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam analisisnya. Mengikut Babbie (2009:76), pendekatan kualitatif adalah suatu kaedah ilmiah yang menghasilkan penemuan dengan cara memahami sesuatu objek atau kes yang diselidiki tanpa memanipulasi data dan objek penelitian. Analisis kualitatif dalam kajian ini tidak sahaja memberikan deskripsi mengenai fenomena yang diteliti, tetapi juga membahaskan secara mendalam, menghuraikan, membincang dan menganalisis persoalan yang diteliti sehingga menghasilkan temuan yang terperinci dan objektif mengenai fenomena yang diperolehi di lapangan. Penggunaan dan pemanfaatan pendekatan ini dilandaskan kepada kemampuannya untuk menjawab pelbagai soalan dalam permasalahan kajian yang menggunakan prosedur penelitian deskriptif dan pada sumber-sumber yang diperolehi dari kata-kata tertulis sarjana lepas.

Sesuatu kajian itu memerlukan proses kajian yang dapat memudahkan sesuatu fakta itu dijelaskan secara terperinci dan melalui proses pemilihan data yang standard. Untuk itu pendekatan maupun teknik kajian yang digunakan amat berkesinambungan antara data dan fakta yang melalui proses kajian itu. Menurut Arbnor & Bjerke (2008:77):

You can never empirically or logically determine the best approach. This can only be done reflectively by considering a situation to be studied and your own opinion on life. This also means that even if you believe that one approach is more interesting or rewarding than another, we....do not want to rank one approach above another. In fact, we cannot on any general ground. The only thing we can do is to try make explicit the special characteristic on which the various approaches are based.

Pendekatan kualitatif sering disebut sebagai penelitian neutralistik kerana peneliti menghendaki kejadian-kejadian yang berkaitan dengan fokus yang alamiah. Bogdan & Taylor (2009:7) mendefinisikan kualitatif sebagai prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang

dan perilaku yang dapat diamati. Lebih lanjut, mereka menjelaskan: “*qualitative research is more concerned with exploring a topic, and with inductively generating hypotheses and theories.*” Menurut Babbie (2009:68), metod dipergunakan untuk mengkaji gagasan atau produk pemikiran manusia yang diuraikan dalam bentuk media cetak, sama ada yang berbentuk naskah atau sumber primer mahupun naskah sekunder dengan melakukan analisis kritikal terhadapnya. Analisis analitikal di sini merupakan pengembangan dari metod deskriptif, iaitu metod yang berupaya untuk mendeskripsikan gagasan manusia tanpa suatu analisis yang bersifat kritikal.

Fokus kajian deskriptif analitis adalah berusaha untuk mendeskripsikan, membahas, dan mengkritik gagasan primer yang selanjutnya berhubung terus dengan sumber primer yang lain dalam usaha melakukan kajian yang berupa komparatif, hubungan, atau pengembangan model. Dalam penyelidikan ini, pendekatan tematik dilakukan dengan cara menghuraikan faktor kerajaan melakukan kawalan terhadap media, akta-akta yang berkaitan dan impak akta ini terhadap politik Malaysia. Kajian ini tidak hanya memberikan analisis deskriptif mengenai kawalan terhadap media sahaja, tetapi juga menilai, menghurai dan membincangkan secara lengkap, terperinci dan mendalam mengenai maklumat yang diperolehi agar ianya menjadi sebuah kajian ilmiah yang bermanfaat serta boleh dipertanggungjawabkan.

Pendekatan kualitatif memang sesuai dengan tujuan yang ingin dicapai dalam kajian ini. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, maka maklumat yang didapati lebih lengkap, mendalam, dan dapat dipercayai. Pendekatan dapat memenuhi maklumat yang berkaitan dengan perasaan, norma, nilai, keyakinan, kebiasaan, sikap mental, dan budaya yang dianut oleh seseorang mahupun sesuatu kelompok. Sehubungan itu, kajian ini dapat menilai impak kawalan media oleh negara terhadap kebebasan media dan juga terhadap politik Malaysia. Kebaikan kaedah analisis kualitatif adalah pengkaji dapat menganalisis dan menilai impak kawalan media oleh negara terhadap kebebasan media berdasarkan data yang telah tersedia supaya kualiti penyelidikan ini dapat dipertanggungjawabkan dan dipertahankan secara akademik.

1.8.2 Prosedur Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik mengumpul data yang melibatkan berberapa cara yang dapat memberikan kekukuhan fakta dan penghuraian kajian. Menurut Bogdan & Taylor (2009:77), proses mengumpul data ini melibatkan empat cara iaitu melalui proses dokumen, temu bual, pemerhatian ikut serta, dan soal selidik. Dalam kajian ini, teknik kajian kualitatif digunakan kerana tajuk kajian ini mempunyai hubungan yang rapat dengan keempat-empat proses kajian yang dinyatakan di atas. Ini bersesuaian dengan pandangan Neuman (2012:134) berkenaan dengan kajian kualitatif, iaitu “*qualitative research is more concerned with exploring a topic, and with inductively generating hypotheses and theories. While this is often true, these stereotypes can be overdone.*”

Dari segi prosedur pengumpulan data, penyelidikan ini menggunakan kaedah pengumpulan data sekunder. Data sekunder (*secondary source*) adalah tulisan yang dibuat atau berdasarkan hasil penyelidikan orang lain sama ada dalam bentuk buku, jurnal, laporan penyelidikan, tesis, disertasi, tulisan dalam bentuk tinjauan, ringkasan, kritikan, dan lain-lain berkait dengan isu dan fokus persoalan yang sedang diselidik (Babbie 2009:65). Data sekunder diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan, misalnya disertasi doktor falsafah dan tesis sarjana, jurnal ilmiah, dokumen dan laporan kerajaan, akhbar dan majalah yang berkaitan. Penyelidikan perpustakaan tersebut dilakukan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Pengumpulan data dalam kajian ini juga melibatkan kajian dokumen. Dokumen dikategorikan sebagai sumber sekunder yang mana ianya dapat menguatkan ataupun menjelaskan secara lebih terperinci tentang kekurangan yang terdapat dalam sumber primer. Ini merangkumi semua jenis dokumen sama ada ianya dokumen yang telah dikumpulkan, diasingkan, diproses ataupun apa saja data yang belum diproses dan ianya boleh dipertimbangkan sebagai data yang mempunyai asas kepada sesuatu kajian.

Pemilihan sumber dokumen ini adalah melalui pelbagai sumber sama ada melalui *library-based, computer-based, work-based, policy-based dan juga historical orientation* (Babbie 2009:124). Beliau menyatakan kajian bibliografi atau perpustakaan adalah segala usaha yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengumpul maklumat yang relevan dengan topik atau masalah yang akan atau sedang diselidiki. Maklumat tersebut boleh didapati dan diperolehi dari buku-buku ilmiah, laporan penyelidikan, karangan ilmiah, tesis dan disertasi, peraturan-peraturan, ketetapan-ketetapan, buku tahunan, ensiklopedia, dan sumber-sumber bertulis baik bercetak maupun elektronik lain.

Data sekunder dipilih kerana data ini dapat memperjelaskan fenomena dan masalah yang dikaji. Kebaikan data sekunder kerana ianya memberikan maklumat jelas mengenai latar belakang masyarakat Malaysia, faktor kerajaan mengawal kebebasan media, akta-akta yang berkaitan dengan kebebasan media, dan sekatan-sekatan yang dikenakan oleh kerajaan terhadap media. Hal ini kerana perbincangan mengenai kawalan negara terhadap kebebasan media telah banyak dikaji oleh para sarjana sebelumnya seperti yang dilakukan oleh Abdul Aziz Bari (2000), Chang Teck Peng (2002), Mohd Azizuddin Mohd Sani (2010) dan lain-lain lagi. Selain itu, data sekunder digunakan untuk dijadikan hujah dalam menganalisis kajian ini seperti mana yang pernah juga dilakukan oleh penyelidik sebelum ini.

